



KENYATAAN MEDIA

KERJASAMA STRATEGIK PERKESO - SME MALAYSIA - FMM TAWAR LEBIH 3,000 PELUANG PEKERJAAN DI KARNIVAL KERJAYA MYFUTUREJOBS

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) proaktif dalam menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi membantu individu yang kehilangan pekerjaan untuk mendapatkan peluang pekerjaan secara lebih efektif.

Baru-baru ini, PERKESO telah memeterai kerjasama strategik dengan Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) dan SME Association of Malaysia (SME Malaysia) bagi menyalurkan komunikasi berkenaan inisiatif kerajaan berkaitan pekerjaan dan peningkatan peluang pekerjaan, dan pada masa yang sama, membantu ahli-ahli FMM dan SME Malaysia untuk menggajikan pekerja baharu.

Menerusi kerjasama strategik ini, majikan daripada kedua-dua pertubuhan tersebut boleh memanfaatkan peluang daripada Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan (PenjanaKerjaya) yang disediakan untuk majikan yang berjaya mengambil pekerja baharu. PERKESO menguruskan insentif di bawah Program PenjanaKerjaya yang menyediakan subsidi kepada majikan sehingga RM36,000 bagi setiap pengambilan pekerja baharu untuk tempoh maksimum 6 bulan.

Selain itu, setiap pekerja baharu digajikan layak untuk mengikuti program latihan yang ditanggung sepenuhnya di bawah PenjanaKerjaya sehingga RM7,000 bagi satu kursus latihan. Pekerja-pekerja ini juga layak menerima satu bayaran Bantuan Mobiliti sebanyak RM500 atau RM1,000.

Pakej insentif ini bertujuan membantu majikan untuk mendapatkan pekerja berkemahiran untuk operasi mereka dan seterusnya membantu pengembangan perniagaan. Pada masa yang sama, insentif ini diharapkan dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan dan menyumbang kepada penurunan kadar pengangguran negara.

Bagi menggalakkan penggunaan insentif ini secara maksimum di kalangan majikan, PERKESO menganjurkan **Karnival Kerjaya MYFutureJobs** dari **7 hingga 8 April 2021** dengan **penyertaan daripada 64 ahli FMM and SME Malaysia, yang menyediakan lebih 3,000 peluang pekerjaan.**

Sepanjang karnival dua hari yang bermula hari ini, PERKESO akan turut menyediakan kaunseling kerjaya dan panduan menggunakan portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara, MYFutureJobs.

Acara yang akan berlangsung di **Kuala Lumpur Convention Centre, di sini, dari 9 pagi hingga 4 petang**, dibuka untuk orang ramai dengan pematuhan SOP yang ketat. Memandangkan bilangan penyertaan adalah terhad mengikut pelaksanaan SOP, PERKESO menyeru pencari kerjaya yang berminat untuk mendaftar di <https://careerfair.perkeso.gov.my/>.

Karnival Kerjaya MYFutureJobs akan menjadi platform dalam membantu majikan mendapatkan pekerja yang bersesuaian selain membantu pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan.

PERKESO mengalu-alukan lebih banyak kerjasama strategik daripada organisasi, perusahaan dan majikan yang berminat untuk menyertai Karnival Kerjaya PERKESO di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut, majikan boleh menghubungi PERKESO di 1-300-22-8000 / 03-8091 5300 atau emel kepada penjanakerjaya@perkeso.gov.my

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
7 April 2021